

14 JAN 1997

Mahathir-IAP

INDUSTRI TEKNOLOGI MAKLUMAT TERKEMUKA SETUJU JADI PENASIHAT MSC

Oleh: Salmy Hashim

LOS ANGELES, 14 Jan (Bernama) -- Dua puluh lima pemimpin industri teknologi maklumat di seluruh dunia telah bersetuju menganggotai Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) yang dibentuk Malaysia bagi membimbing kemajuan Koridor Raya Multimedia (MSC) negaranya.

Panel 30 anggota itu akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan ia merangkumi nama-nama terkenal seperti Bill Gates dari Microsoft, pengeluar perisian terbesar di dunia.

Mesyuarat pertama IAP akan diadakan Khamis di Stanford University dekat San Francisco.

Dekan Michael Spence dan Prof William Miller dari Stanford University akan menjadi tuan rumah mesyuarat itu, demikian diumumkan oleh Perbadanan Kemajuan Multimedia, dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Ia merupakan satu peluang yang unik bagi anggota-anggota IAP untuk menyumbang ke arah pembentukan persekitaran yang unggul bagi pertumbuhan industri-industri multimedia di seluruh dunia.

Ketua Pegawai Operasi Perbadanan Kemajuan Multimedia (MDC), Dr Mohamed Arif Nun, berkata Perdana Menteri akan "lebih banyak mendengar daripada bercakap" bagi membolehkan anggota-anggota IAP mengambil bahagian sepenuhnya dalam pembentukan terakhir MSC.

Beliau berkata mesyuarat itu dijangka diadakan setiap tahun dan yang berikutnya ialah di Kuala Lumpur.

Lebih banyak anggota akan ditambah dalam panel itu selepas satu lagi misi MDC ke Eropah pada April ini.

Dr Mohamed Arif berkata MDC berharap antara 20 dan 30 syarikat yang diwakili oleh anggota-anggota IAP akan akhirnya melabur dalam MSC, yang direkabentuk khusus untuk menarik pemaaju teknologi-teknologi multimedia terkemuka.

Rakan kongsi projek MSC juga akan mendapat manfaat daripada dasar-dasar dan undang-undang siber yang baru yang digubal bagi menggalakkan perdagangan elektronik, memudahkan pembangunan aplikasi multimedia dan mewujudkan langkah-langkah keselamatan bagi melindungi hak-hak harta intelek.

Tanggungjawab utama anggota-anggota IAP ialah menyediakan nasihat dan saranan kepada Perdana Menteri dan kerajaan mengenai isu-isu strategik berkaitan dengan MSC seperti infastruktur dan alam sekitar, dasar-dasar dan undang-undang siber, pemasaran dan insentif, dan pembangunan industri-industri dalam negara, kata kenyataan MDC itu.

MDC, yang menyelaraskan lawatan promosi Perdana Menteri di California dan kemudian di Jepun, berkata Dr Mahathir akan memberi ucapan pada dua persidangan untuk eksekutif syarikat-syarikat teknologi yang berminat memperluaskan perniagaan di Asia menerusi MSC, di sini pada Selasa dan di Stanford University pada Rabu.

Dr Arif berharap syarikat-syarikat yang melabur dalam MSC akhirnya akan bekerjasama dengan syarikat-syarikat teknologi maklumat Malaysia dalam pembangunan teknologi dan pembangunan produk usahasama.

"Tetapi kita tidak menjangkakannya untuk berlaku dalam semalaman," katanya.

Beliau juga berharap MSC akan menjadi "jendela pengedaran produk-produk teknologi maklumat seluruh dunia". -- BERNAMA

SH NAK